

PERCUMA 29 Mac - 5 April 2013, 17 - 24 Jamadilawal 1434



15,000 hadir majlis marathon ilmu

muka 3

Belanja RM80 juta untuk khairat kematian

muka 11

480 RMM dibina di Sabak Bernam

muka 3



Selangor bubar 22 April

Oleh MAT ZAHARI ALI

PETALING JAYA- Selangor telah menetapkan 22 April bagi pembubaran Dewan Negeri Selangor (DNS) sekiranya parlimen tidak dibubar sebelum itu.

Ketetapan ini diambil bagi memastikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak membubarkan parlimen dengan secepat mungkin bagi mendapat mandat baru daripada rakyat.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata Selangor telah memutuskan untuk membubarkan DNS pada tarikh tersebut.

Manakala negeri-negeri pakatan lain akan dibawa berbincang untuk mencapai kata sepakat berhubung tarikh tersebut untuk bersama-sama membubarkan Dun masing-masing.

“Pakatan Rakyat tidak mahu berdolak-dalik mengenai pembubaran Dun kerana ia mendatangkan kegelisahan kepada rakyat.

“Pembubaran Dun di Negeri Sembilan yang berlaku secara automatik tidak diizinkan berlaku di negeri Pakatan Rakyat,” kata Abdul Khalid dalam sidang media bersama pimpinan tertinggi Pakatan Rakyat di sini.

Sidang media tersebut turut di hadiri Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang dan Naib Presiden PAS, Mohamad Sabu.

Abdul Khalid juga berkata penetapan tarikh pembubaran DNS tersebut akan membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya membuat keputusan supaya diadakan pilihanraya serentak.

Sebelum ini SPR menjanjikan tidak akan mengadakan pilihanraya berasingan bagi mengelak penggunaan wang rakyat yang banyak.

Selangor akan tamat tempoh matang DNS pada 22 April ini. Manakala Kelantan pada 28 April, Pulau Pinang 2 Mei dan Kedah 5 Mei.



Anwar dan Abdul Khalid sewaktu sidang media bersama pimpinan tertinggi Pakatan Rakyat di Ibu Pejabat PKR, Petaling Jaya

Gambar oleh Shuaib Ayob

Pengundi atas pagar kata Anwar lebih layak jadi PM

Oleh NAZLI IBRAHIM

PETALING JAYA - Sebuah kajian Universiti Malaya (UM) mendapati lebih ramai pengundi atas pagar setuju bahawa Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim lebih layak berbanding Datuk Seri Najib Razak untuk menjadi Perdana Menteri (PM) selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Kajian yang dijalankan dari 26 Disember 2012 hingga 11 Januari 2013 itu mendapati 44 peratus responden yang dikategorikan pengundi atas pagar, setuju Anwar layak menjadi PM.


Pada masa sama hanya 31 peratus pengundi atas pagar di dalam kajian

Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL) itu, setuju bahawa Najib sebagai lebih layak.

Manakala 13 peratus daripada mereka setuju Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin layak menjadi PM.

Kategori pengundi atas pagar itu merupakan 21 peratus daripada 1,409 responden yang dibanci di dalam kajian itu dan yang menjawab “tidak pasti” kepada soalan: Parti manakah yang dijangka menang di peringkat nasional dalam PRU-13 dan menguasai Putrajaya.”

PEMIMPIN PALING LAYAK MENJADI PM SELEPAS PRU KE-13



lihat muka 2

Takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Dr Abdul Majid

SHAH ALAM - Ahli Dewan Diraja Selangor, Tan Sri Dr Abdul Majid Ismail, yang juga merupakan rakyat Malaysia pertama yang menjadi pakar bedah ortopedik pada 1958, telah meninggal dunia. Beliau berumur 92 tahun.

Abdul Majid, yang pernah menjadi doktor peribadi kepada DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia yang kedua antara 1971 hingga 1976.

Allahyarham meninggal dunia di kediamannya di Taman Duta, Jalan Langgak Duta di sini akibat sakit tua.

Dr Abdul Majid disahkan meninggal dunia akibat sakit tua, kira-kira pukul 4 petang, 24 Mac lalu.



Allahyarham meninggalkan seorang balu, Puan Sri Khairany Mahyuddin dan tiga orang anak, seorang lelaki dan dua perempuan.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang diiringi Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkenan menziarahi pengkebumian Allahyarham di Makam Diraja Shah Alam selepas disembahyangkan di Masjid Negeri, Shah Alam.

Dr Abdul Majid, anak jati kelahiran Kuala Lumpur, mula menyertai Kementerian Kesihatan pada 1950 dan berkhidmat di Hospital Besar Kuala Lumpur selepas memperoleh ijazah perubatan (MBBS) Malaya dari Universiti Malaya (UM).



TAKZIAH...
DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menjirus air mawar di pusara Allahyarham Tan Sri Dr Abdul Majid Ismail yang terletak di Makam Diraja, Shah Alam

Pada 1951, beliau dilantik sebagai Pegawai Perubatan Malayan Medical Service di hospital berkenaan.

Manakala pada 1969, Allahyarham dilantik sebagai Pen-

arah Perancangan dan Penyelidikan di Kementerian Kesihatan.

Berdasarkan pengalaman luas dalam kerjayanya, Allahyarham turut dilantik memegang jawatan dalam pertubuhan ke-

masyarakatan profesional.

Antaranya sebagai Ahli dan Pengerusi, Majlis Universiti Malaya (1959 - 1987), Pengerusi Majlis Pemutihan Malaysia, Pengerusi Persatuan Dato-Dato Diraja

Dari muka depan

Anwar lebih berwibawa

Pengarah UMCEDEL, Prof Dr Mohammad Redzuan Othman berkata, sokongan pengundi atas pagar dianggap penting kerana mereka adalah pengundi penentu kemenangan sesuatu parti dalam PRU-13 nanti.

"Kajian kami dapati, daripada 1,409 responden, masih terdapat 21 peratus golongan tidak pasti yang masih boleh direbut, ia satu jumlah besar."

Sebanyak 41 peratus responden yang dianggap pengundi atas pagar menganggap Anwar lebih berwibawa sebagai pemimpin dalam pentadbiran kerajaan.

Pada masa sama hanya 36 peratus daripada mereka melihat Najib sebagai lebih berwibawa.

Dalam soalan sama, 45 peratus pula tidak bersetuju sekiranya Najib dianggap pemimpin berwibawa berbanding Anwar 11 peratus.

Manakala 42 peratus yang dibanci menjangkakan Umno-BN akan memenangi PRU-13 berbanding 37 peratus untuk (PR).

Profil 21 peratus golongan atas pagar tersebut mendapati pengundi Cina adalah golongan tertinggi dengan 53 peratus, Melayu 37 peratus dan India 10 peratus.

Golongan berpendidikan ija-

Kajian sama juga menunjukkan jangkaan bahawa PR akan terus menang di peringkat nasional meningkat, manakala kepercayaan terhadap kemenangan Umno-BN dilihat merosot.

zah pula mencatatkan 49 peratus dari golongan sama, pengundi bawah umur 30 tahun sebanyak 51 peratus dan kali pertama mengundi 48 peratus.

Kajian tersebut dibentangkan oleh Dr Mohammad Redzuan dalam 'Forum Pra Pilihan Raya: Siapa Akan Menang PRU-13?' pada 21 Mac lalu.

Kajian sama juga menunjukkan, jangkaan bahawa PR akan terus menang di peringkat nasional meningkat manakala kepercayaan terhadap kemenangan Umno-BN dilihat merosot.

Dalam tempoh 1-16 September 2012, 44 peratus responden menjangkakan Umno-BN akan menang, 30 peratus PR dan tidak pasti 26 peratus.

Manakala kajian 31 Mac - 15 April 2012 menunjukkan BN memperolehi 49 peratus, PR 21 peratus dan tidak pasti seba-

Badan kebebasan maklumat ditubuh

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Bekas Ketua Polis negeri Terengganu, Datuk Kamaruddin Mat Desa dilantik sebagai Pengerusi Badan Maklumat Negeri bagi melaksanakan Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor 2011.

Turut dilantik lima anggota lain dalam badan terbabit yang terdiri daripada Bekas Pesuruhjaya Hisbah Terengganu, Nordin Saidin; Profesor Undang-undang Universiti Malaya, Prof Abu Bakar Munir dan Majlis Peguam Negara, Sonya Liew Yee Aun.

Dua anggota lain ialah Peguam, R. Kupusamy dan Timbalan Pre-

Enakmen Kebebasan Maklumat akan membolehkan orang awam memohon maklumat tentang pentadbiran kerajaan seperti kontrak dan tender yang dikeluarkan, butiran perbelanjaan dan penggunaan dana awam

siden Unit Keselamatan Astro, Thomas Navamoney D.E Solomon.

Enakmen Kebebasan Maklumat akan membolehkan orang awam memohon maklumat tentang pentadbiran kerajaan seperti kontrak dan tender yang dikeluarkan, butiran perbelanjaan dan penggunaan dana awam.

Dasar tersebut merupakan penjeremahan prinsip ketelusan Pakatan Rakyat (PR) di mana pebelanjaan dana awam oleh kerajaan dapat dipantau masyarakat awam.

Exco Pelancongan, Hal Eh-

wal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong berkata, sebuah Lembaga Rayuan juga akan ditubuh untuk pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pegawai Maklumat.

"Rayuan juga boleh dibuat jika pemohon tidak mendapat maklumat dalam tempoh ditetapkan atau telah disalahgunakan dengan cara lain berkaitan dengan permohonan atau akses kepada maklumat," katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco, di bangunan SUK, di sini.

Seramai 35 orang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pegawai Daerah dilantik sebagai pegawai maklumat.

Antara tugas pegawai tersebut adalah merekodkan semua maklumat di dalam kawalan jabatan secara teratur.

Selain itu, mereka juga akan melatih jabatan berkenaan dengan penjagaan, penyimpanan, penguurusan dan memenuhi permohonan maklumat serta berkhidmat sebagai pengantara bagi jabatan dalam menerima permohonan.

Mereka juga perlu mengadakan sistem pengesanan bagi mengawal selia pemprosesan setiap permohonan untuk maklumat.

BADAN MAKLUMAT NEGERI

- **Datuk Kamaruddin Mat Desa** *Bekas Ketua Polis Terengganu*
- **Nordin Saidin** *Bekas Pesuruhjaya Hisbah Terengganu*
- **Prof Abu Bakar Munir** *Profesor Undang-undang Universiti Malaya*
- **Sonya Liew Yee Aun** *Majlis Peguam Negara*
- **R.Kupusamy** *Peguam*
- **Thomas Navamoney D.E Solomon** *Timbalan Presiden Unit Keselamatan Astro*

480 Rumah Mampu Milik dibina di Sabak Bernam

SABAK BERNAM - Sebanyak 480 Rumah Mampu Milik (RMM) akan dibangunkan di Panchang Bedena di sini dengan harga di bawah RM100,000 sebuah.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, projek di tanah seluas kira-kira 25 ekar itu akan melibatkan kos pembangunan kasar kira-kira RM85 juta.

Ia akan dibangunkan sepenuhnya oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor, Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).

"Pembangunan di Sabak Bernam adalah penting bagi memastikan golongan muda terus menetap dan memperolehi peluang pekerjaan di kawasan ini dengan kita juga ingin membangunkan ekonomi anak muda di kawasan ini.

"Pembangunan menyeluruh



Abdul Khalid sewaktu majlis pecah tanah Rumah Mampu Milik di Panchang Bedena

diharap dapat dilaksanakan segera dan dirangka dengan betul dan dijadikan projek contoh di kawasan Sabak Bernam," kata Abdul Khalid.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Pecah Tanah Pembangunan Perumahan Bercampur dan Pusat Rehat dan Rawat (R&R) Ladang Air Manis Pan-

chang Bedena di sini.

Projek perumahan berkualiti pada harga yang munasabah ini dibangunkan bersama dengan pembangunan kawasan per-

mahan bercampur dan komersil serta kemudahan kawasan R&R yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PNSB, Datuk Ahmad Omar berkata, projek pembangunan bercampur itu dirancang untuk membangunkan rumah teres dua tingkat kos sederhana.

Manakala rumah kos sederhana rendah dan rumah kos rendah akan dibangunkan berkonsepkan 'townhouse', termasuk pembinaan kedai pejabat tiga tingkat dan lot komersil.

"Kemudahan lain adalah pembinaan Pusat Rehat Dan Rawat) serta stesyen minyak bagi memudahkan pengguna jalan utama yang melewati kawasan ini, di samping memberikan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat," katanya.

15,000 hadir majlis maraton ilmu



SANTAI... pendekatan Ustaz Azhar mampu menarik anak muda mengimarahkan masjid

Oleh MOHD EZLI MASHUT

BESTARI JAYA - Program pengimarahkan masjid di Selangor terus diperkukuhkan dengan budaya ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, pihaknya berusaha menjadikan Selangor sebagai negeri maju tetapi pada masa yang sama mendapat rahmat dan keampunan daripada Allah.

"Ini sesuai dengan cita-cita negeri untuk menjadikan negeri Selangor ini sebuah negeri 'Baldatun Tayyibah Wa Rabbun Qhafur'.

"Kehadiran tuan-tuan yang ramai memberikan semangat kepada kita semua untuk mengadakan program seperti ini," kata Abdul Khalid.

Beliau berkata demikian semasa program Jom Pergi Kuliah Maraton Ilmu yang diadakan di Masjid Nurul Iman, Kampong Ijok di sini.

Kira-kira lebih 15,000 hadir dalam majlis ilmu yang disampaikan oleh pendakwah terkenal, Ustaz Azhar Idrus.

Ustaz Azhar dalam kuliahnya menekankan perlu masyarakat bijak dalam memilih pemimpin yang terbaik agar dapat memandu negara ini ke arah kebaikan dan keceMERLANGAN di dunia dan akhirat.

"Pemimpin yang baik untuk menerajui sebuah negara. Ia bandingan bagaimana pemimpin yang baik apabila sebuah bas dipandu oleh pemandu yang baik untuk memandu kenderaannya dengan membawa penumpangya selamat," kata Ustaz Azhar.

Warga asing dapat IC, rakyat tidak dipedulikan

KLANG - Kala ratusan ribu warga asing di Sabah diberikan hak warganegara, tetapi dalam masa yang sama kerajaan Umno-BN menafikan kerakyatan rakyat yang lahir di negara ini.

Antaranya, Mahaletchumy Subramaniam, 16, pelajar tingkatan empat di Pulau Carey, Klang, yang masih tidak mendapat kerakyatan sehingga kini.

Pelajar tersebut pernah digantung persekolahannya dan dihalang daripada menyertai pasukan hoki peringkat daerah Kuala Langat kerana tidak mempunyai kad pengenalan.

Mahaletchumy pernah mohon lebih 10 kali bagi mendapatkan kad pengenalan daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), tetapi ditolak dengan alasan dokumen tidak jelas.

Tambahnya, beliau pernah merujuk kepada Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India, Datuk Siva Subramaniam beberapa bulan lalu, namun sehingga kini tiada maklum balas diterima.

Beliau antara 40 orang awam dari sekitar Banting, Pulau Carey dan Klang yang mengadakan demonstrasi aman selama kira-kira dua jam dalam bangunan JPN, Klang bagi menuntut kerakyatan.

Kumpulan yang terdiri daripada kanak-kanak dan warga emas ini merupakan sebahagian kecil daripada lebih 300,000 masyarakat kaum India negara ini yang dinafikan hak mendapat kad pengenalan.

Demonstrasi itu diketuai Naib Presiden PKR, N Surendren, Ahli Parlimen Kapar, S Manikavasagam, Peguam PKR, Latheefa Koya.

"Semua rakyat ini lahir di negara ini dan habiskan hidup di sini, tetapi pada masa yang sama mereka (kerajaan) beri IC pada Filipino?"

"Kes Mahaletchumi sampai hari ini tak ada dokumen, beliau merupakan pemain hoki daerah, mempunyai banyak pingat tapi di diskriminasi dan dizalimi oleh Kerajaan Umno-BN tanpa sebab," dakwa Surendren.



Surendren menemani Mahaletchumy, ketika sidang media di bangunan bangunan JPN, Klang

Oleh HAYATI UMOR

SHAH ALAM - Pengumuman Perdana Menteri untuk memberikan 1,000 permit kepada pemandu teksi dilihat 'menciplak' idea dasar dan program yang dibawa oleh Pakatan Rakyat (PR).

Pengumuman Datuk Seri Najib Razak tersebut juga mengesahkan bahawa dasar-dasar manifesto PR yang sebelum ini dikedam oleh pemimpin Umno-BN sebenarnya mampu dilaksanakan.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli berkata, setakat ini Umno-BN terus gagal mengumumkan manifesto sendiri, sebaliknya menciplak idea dasar PR.

Permit teksi: Najib 'ciplak' manifesto PR

Najib cuba mengumpan rakyat dengan janji akan melaksanakan program PR itu sekiranya Umno-BN menang dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

"Saya pasti pemandu-pemandu teksi yang ada di seluruh negara faham bahawa pengumuman Datuk Seri Najib Razak hanyalah satu gimik politik un-

tuk menenangkan kemarahan mereka selama ini.

"Penyelesaian berpanjangan isu permit teksi ini terletak di tangan Pakatan Rakyat yang mula-mula sekali memperjuangkan isu ini," kata Rafizi dalam satu kenyataan media.

Manifesto PR yang diumumkan bulan lalu antaranya berkata PR akan menghapuskan

sistem permit teksi yang diberikan kepada syarikat tertentu untuk mengaut keuntungan daripada keringat pemandu teksi.

Permit teksi juga akan diberikan terus kepada pemandu teksi dengan tujuan melahirkan lebih ramai usahawan teksi.

Agensi kerajaan juga akan dipertanggungjawabkan untuk melatih usahawan-usahawan

teksi dengan kemahiran khidmat pelanggan dan perniagaan.

"Ucapan beliau (Najib) berbaur ugutan politik apabila menyatakan bahawa pemandu teksi perlulah 'bai'ah' (mengikat janji) untuk mengundi Barisan Nasional (BN) jika mahu mendapatkan lebih banyak permit persendirian pada masa hadapan," kata Rafizi.

Anwar: Rakyat berlawanan dengan tauke arak dan judi

RAWANG - Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan dalam pilihan raya kali ini rakyat bukan sahaja terpaksa berdepan dengan Umno-BN serta jentera kerajaan tetapi rakyat terpaksa berdepan dengan 'tauke-tauke' besar yang terdiri daripada golongan pemodal kapitalis.

"Adik Najib, iaitu Nazir mengumumkan agar rakyat menyokong kerajaan abangnya, jadi sekarang ini kita (rakyat) terpaksa lawan dengan pihak 'bank' dan 'tauke' besar serta 'tauke' judi dan arak seperti yang dimiliki keluarga Mahathir.

"Maknanya, kita perlu kekuatan dan kita perlu bersedia kerana mereka (Umno-BN) boleh membuat apa saja," ujar Anwar yang juga Ketua Pembangkang

Ujarnya, rakyat perlu memberikan peluang kepada Pakatan Rakyat (PR) untuk membuat perubahan total politik dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini ekoran kebatasan politik yang dibawa Umno-BN selama ini.

"Kita yakin, insya-Allah menang dan tawan Putrajaya, kena menang dengan kasih dan yakin rakyat kepada kita dan untuk angkat martabat rakyat dan ini yang akan kita lakukan.

"Malahan, Dr Yusof Al-Qaradawi juga mendoakan kemenangan Pakatan Rakyat, ini soal kesedaran rakyat yang mahu merdeka, keadilan, mahu hak mereka dan rakyat bangkit, sebab itu kita katakan ini satu kebangkitan rakyat," kata Anwar.

Selain itu, Anwar juga yakin

peralihan kuasa akan berlaku secara aman dan lancar apabila keputusan PRU-13 memihak kepada PR.

Hal itu bersandarkan keyakinan yang diberikan daripada empat mantan kepimpinan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan dua mantan kepimpinan tertinggi polis yang menyertai PR.

"Tanggungjawab saudara-saudara semua adalah untuk mempertahankan kemenangan di Selangor dan saya ucap terima kasih kerana memberikan kemenangan dalam PRU-12 dan perlu menang lagi khususnya di kawasan DUN Kuang ini," kata Anwar.

Beliau berkata demikian di hadapan 5,000 orang semasa Ceramah Jelajah Merdeka Rakyat diadakan di Bandar Tasik Puteri di sini.

Apps 'PRU13 PKR' senjata terkini hadapi pilihan raya



Pimpinan PKR sewaktu melancarkan sistem aplikasi gabungan telefon pintar (smartphone) sempena PRU-13

PETALING JAYA - PKR menggerakkan satu lagi 'senjata' terkininya sempena Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) dengan pelancaran sistem aplikasi gabungan telefon pintar (smartphone) dengan media sosial seperti Facebook dan Twitter.

Aplikasi tersebut mempunyai ciri-ciri seperti berita terkini, kemudahan semakan daftar pengundi, bank infografik yang penuh dengan data dan mengenai isu-isu besar dan video ceramah, sidang media dan aktiviti kempen.

Turut dipaparkan juga adalah twitter pimpinan utama, jadual aktiviti dan ceramah Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bank profil calon-calon PKR (selepas penamaan calon).

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli berkata, PKR menjadi parti politik pertama yang

membangunkan Apps bersepadu itu untuk menyebarkan maklumat sepanjang kempen PRU melalui media sosial.

Katanya, Aplikasi yang dinamakan 'PRU 13 PKR' ini dibangunkan untuk platform Apple dan Android buat masa ini.

"Ia boleh mula dimuat turun di iTunes dan Market Place bermula 25 Mac 2013 dengan jangkakan Dewan Rakyat dibubarkan selewat-lewatnya dalam minggu tersebut," katanya.

Promosi Apps ini akan ditayang di sesawang Youtube.

Sementara itu, Anwar berharap aplikasi ini dapat dimanfaatkan dan menjadi satu persaingan yang hebat dan adil dengan memberikan pilihan kepada rakyat untuk mendengar hujah dan menilai pandangan yang diberikan.



Orang ramai terus memberi sokongan kepada pentas ceramah Pakatan Rakyat

Naik taraf loji tambah kemampuan bekal air

Oleh NAZLI IBRAHIM

KUALA SELANGOR - Projek menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 yang dijangka siap sepenuhnya pada 31 Mac ini akan menambah bekalan air bersih sebanyak 190 juta liter sehari (JLH) diagihkan kepada pengguna di negeri ini.

Peningkatan kapasiti pengeluaran ini akan menjadikan kawasan Klang seperti Meru, Kapar, termasuk Kapar Indah dijangka tidak lagi mengalami gangguan bekalan air.

Menurut Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, projek yang dimulakan pada 1 Mac 2012 dengan kos RM50 juta itu dilaksanakan berikutan sebelum ini loji berkenaan tidak mengeluarkan air pada kadar yang optimum.

“Loji ini sepatutnya mampu mengeluarkan 950 JLH sehari, tetapi hanya mengeluarkan 760

JLH, sekaligus menyebabkan kekurangan bekalan air.

“Sekiranya terdapat masalah tidak cukup air dalam waktu terdekat ini, ia jelas menunjukkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) tidak kompeten dalam melaksanakan kerja-kerja pengagihan air kepada pengguna,” kata Abdul Khalid selepas menerima taklimat dan membuat lawatan di tapak Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, di sini.

Abdul Khalid juga berkata, Kerajaan Negeri turut mengambil beberapa langkah lain bagi meningkatkan kapasiti sumber air mentah dan air terawat bagi menampung permintaan pengguna di Selangor.

Tambahnya, Kerajaan Negeri juga memandang serius 33 peratus kadar ‘Air Tidak Berhasil’ (NRW) yang ada sekarang dengan menjalankan kajian bagaimana kadar tersebut dapat

Langkah meningkatkan sumber air mentah

- Membangunkan ‘Hybrid Off River Augmentation System’ (HORAS)
- Mengenalpasti air bawah tanah melalui kaedah ‘River Bank Filtration’
- Menambah baik sistem pam air bersih ke Kolam Iimbangan Bukit Mayong
- Mengaktifkan Loji Sungai Damansara

dikurangkan.

“Jika NRW dapat dikurangkan sebanyak 10 peratus lagi, dari NRW itu kita dapat tambah bekalan air sebanyak 400 JLH sehari kepada pengguna,” ujar Abdul Khalid lagi.

Tender terbuka jimat RM40 juta

KUALA SELANGOR - Meskipun Kerajaan Pusat memperuntukkan RM90 juta untuk projek menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, tetapi Kerajaan Negeri berjaya melaksanakan dengan kos keseluruhan cuma RM50 juta.

Penjimatan RM40 juta ini disebabkan dasar tender terbuka yang diamalkan Kerajaan Negeri.

“Projek menaik taraf stesen mengepam air mentah ini diluluskan oleh Kerajaan Pusat pada 18 Jun 2010 dengan kos sebanyak RM90 juta.

“Kerajaan Negeri melaksanakan proses tender terbuka bagi projek ini dan hasilnya penjimatan sebanyak RM40 juta dapat diperolehi, di mana

keseluruhan projek ini hanya berjumlah RM50 juta,” Kata Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Abdul Khalid berkata demikian selepas menghadiri Majlis Taklimat dan Lawatan Tapak Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, di sini.

Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor sebelum ini menerapkan konsep ‘Value For Money’ bagi memastikan setiap sen yang dibelanjakan Kerajaan Negeri memberi manfaat yang maksimum kepada rakyat Selangor.

Antara kejayaan konsep tersebut termasuklah kejayaan menjimatkan RM102 juta melalui pelaksanaan sistem tender terbuka yang mengurangkan kos perolehan.



Batal pelaburan: Isa perlu tunjuk bukti, jangan cakap kosong

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menjemput Adun Batang Kali, Datuk Isa Abu Kassim menyatakan dengan tepat industri dan nama syarikat yang membatalkan pelaburan mereka akibat birokrasi Kerajaan Negeri dan masalah bekalan air di negeri ini.

Ini kerana menurut Abdul Khalid, setakat ini hanya terdapat satu projek di Majlis Perbandaran Ampang Jaya

STATISTIK Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) 2012

Projek	Jumlah
156 projek baru	RM 8.1billion
96 projek pembesaran	RM3.5 billion

Jumlah: 252 projek (tertinggi dalam Malaysia)

yang masih tertangguh untuk mendapat perakuan daripada Syarikat Bekalan Air Selangor langor (Syabas) atas alasan khuatir air tidak mencukupi jika projek tersebut diteruskan.

Manakala kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain pula mengesahkan tiada sebarang projek pembangunan sama ada projek industri atau perumahan yang ditolak atau tertangguh akibat kekurangan air.

Justeru, Isa sewajarnya bersikap lebih profesional, bertanggungjawab dan bukan bercakap kosong tanpa fakta jelas dalam mengeluarkan sesuatu tuduhan terhadap Kerajaan Negeri.

“Dakwaan Isa itu jelas mahu mencemarkan nama baik Kerajaan Negeri Selangor dan seluruh kakitangan awam negeri ini yang berkerja keras bagi memastikan Selangor terus kekal sebagai destinasi

nombor satu pelaburan.

“Saya sebenarnya tidak harapkan Isa untuk berperanan dalam membantu menarik pelabur-pelabur ke Selangor.

“Namun demikian, sebagai pemimpin masyarakat negeri ini, saya tidak menyangka Isa sanggup memburuk-burukkan negeri Selangor dengan tujuan menakut-menakutkan para pelabur melabur di negeri ini,” kata Abdul Khalid dalam satu kenyataan media.

LPHS: Sasar bina 5,000 unit rumah

SUBANG JAYA - Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) mensasarkan membina 5,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) dalam lima tahun (2013-2017) akan datang dengan menggunakan konsep pasang siap.

Ketua Bahagian Perumahan LPHS, Mohamad Hafiz Hassan menjelaskan, untuk permulaan, peruntukkan RM50 juta akan digunakan sebagai dana pusingan bagi tujuan membangun projek perintis berkenaan.

Projek tersebut dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

“LPHS diberikan mandat menyelaras projek ini yang dianggar menawarkan lebih 250 unit di kawasan Lembah Klang di atas tanah milik Kerajaan Negeri dengan keluasan tiga hingga lima ekar yang sedang dikenal-

p a s -

ti,” katanya dalam satu kenyataan media.

Menurut Mohamad Hafiz, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji insentif khas untuk menggalakkan pemaju swasta menggunakan konsep pre-fabricated IBS.

Insentif tersebut termasuk mengenakan kadar premium tanah yang nominal dan pengecualian sumbangan dana perkhidmatan penambahbaikan (Improvement Service Fund).

Beliau menambah, Rumah Mampu Milik pasang siap ini merupakan penambahan kepada dasar Rumah Mampu Milik yang dijalankan Kerajaan Negeri dan syarikat berkaitan Kerajaan Selangor.

Sehingga kini sebanyak 2,151 projek RMM dimulakan pembinaannya.

Dianggarkan sebanyak 10,407 unit rumah lagi akan dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sehingga tahun 2021.



Rumah Mampu Milik hanya untuk golongan yang benar-benar layak bagi mengelak individu memiliki lebih daripada sebuah

Terajui konsep rumah mampu milik pasang siap



Menteri Besar melihat model rumah pasang siap yang mana tempoh pembinaannya lebih singkat

Oleh AFIX REDZUAN

SUBANG JAYA - Selangor menjadi negeri pertama yang akan memajukan konsep Rumah Mampu Milik pasang siap di Malaysia.

Pembinaan ini bagi memenuhi permintaan kediaman terutama untuk golongan berpendapatan rendah.

Melalui penggunaan konsep pasang siap atau Pre Fabricated (IBS), kos pembinaan rumah dapat dikurangkan, manakala tempoh pembinaan dapat dipendekkan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, berdasarkan pengalaman pemaju, sebuah sekolah mengambil 18 bulan untuk disiapkan melalui cara pembinaan biasa.

Tetapi melalui konsep pasang siap, ia dapat disiapkan dalam tempoh lima bulan.

Keadaan ini membuktikan sistem ini sangat efektif dan ‘value for money’ (memberi nilai untuk setiap sen yang dibelanjakan) untuk dikembangkan, ujar Abdul Khalid.

“Dari segi kos saya dapati, kalau mereka menggunakan sis-

tem yang dicadangkan ini, dapat dikurangkan kepada RM100 satu kaki persegi.

“Saya anggap angka-angka ini sangat value for money,” katanya selepas majlis perasmian ‘New Approaches on Development of Affordable Homes by Using Pre Fabricated (IBS) Concept in Selangor di Hotel Grand Dorsett.

Seminar ini merupakan anjuran Kerajaan Negeri dengan kerjasama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Dalam isu yang sama, Abdul Khalid menggesa, keluarga berpendapatan isi rumah sebanyak RM3,000 hingga RM5,000 sebulan dan berumur 45 tahun ke bawah mendaftar dengan Lembaga Perumahan Selangor (LPHS) untuk membeli skim Rumah Mampu Milik.

Setakat ini, hampir 7,300 orang mendaftar sejak tahun 2010/2011.

“Kita akan buka satu pangkalan data dan layak mendaftar online untuk makluman orang awam berkaitan konsep rumah mampu milik ini,” ujarnya lagi.



Peserta seminar puas hati dengan maklumat Rumah Mampu Milik

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin

Arfa'za Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Sheridan Mahavera Mohd Shakir PENGARANG BERITA: Najib Hashim
PENOLONG PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim
WARTAWAN: Afix Redzuan: afixedzwan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,
Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Oleh NAZLI IBRAHIM

KUALA SELANGOR - Pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) Selangor terus mendapat kepercayaan rakyat kerana menukarkan janji memberi hak milik tanah kepada rakyat.

Menurut penerima hak milik tanah di Kampung Sri Aman, P John Periasammy, 48, berkata, keadaan itu berbeza ketika era BN yang hanya tahu berjanji, tetapi tidak menunaikannya.

"Dahulu cuma janji saja, tak pernah ditepati.

"Sekarang lain, Pakatan Rakyat nampaknya bersungguh-sungguh bantu kami dan akhirnya kami memperolehi hak milik tanah rumah kami.

"Kerajaan Negeri dah tunaikan janji dan sekarang tiba giliran kami tunaikan tanggungjawab kami untuk memenangkan Kerajaan Negeri yang ada sekarang dalam pilihan raya nanti," kata John ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Borang 5A di Dewan Kampung Harmoni, Ijok.

Penduduk Kampung Seri Sentosa, Amat Ali Yasin, 67, menyatakan beliau amat bersyukur apabila akhirnya berjaya memperolehi hak milik tanah yang diduduki selama lebih 40 tahun.

"Syukur, sekarang lega, dah tak bimbang-bimbang lagi dah, sebab tanah yang pak pik duduk dah sah milik pak cik," ujar beliau.

Rakyat janji terus sokong Pakatan Rakyat



TAHNIAH... Menteri Besar serahkan surat hak milik tanah kepada penerima

Arragee Chiniyya, 53, juga dari Kampung Sri Sentosa berkata, kejayaan ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri kepada rakyat.

"Saya gembira dan terima kasih kepada Menteri Besar yang berjaya menyelesaikan masalah yang sudah lebih 50 tahun berlarutan," katanya.

Menteri Besar, Tan Sri Ab-

dul Khalid Ibrahim berkata, sehingga kini sudah lebih 70,000 orang menerima geran hak milik tanah sepanjang PR mentadbir Negeri Selangor.

"Tak kira parti apa, semua orang yang punyai hak ke atas sesuatu tanah kediaman, Kerajaan Negeri akan usahakan supaya mereka dapat hak mereka.

"Begitu juga tanah milik Keretapi Tanah Melayu yang tidak digunakan, saya akan serahkan kepada penduduk di situ yang berhak," ujar beliau.

Majlis penyerahan Borang 5A kepada 316 penduduk Kampung Seri Sentosa, Kampung Java Estet diadakan di Dewan Kampung Harmoni di sini.

Borang 5A adalah surat tawaran memiliki tanah dari Kerajaan Negeri kepada seseorang individu dengan bayaran premium RM1,000 sahaja.

Ketika di era Umno-BN mentadbir, penerima borang 5A dikehendaki membayar premium sekurang-kurangnya 20 peratus daripada nilai tanah yang dipohon.



P John Periasammy



Amat Ali Yasin

Tak kira parti apa, semua orang yang punya hak ke atas sesuatu tanah kediaman, Kerajaan Negeri akan usahakan supaya mereka dapat hak mereka

ABDUL KHALID
Menteri Besar

Impian penduduk Batu Caves ditunai

BATU CAVES - Hasrat penduduk Kampung Nahkoda dan Kampung Melayu Batu Caves Selatan memiliki tanah akhirnya terlaksana.

Pemberian ini akhirnya menamatkan penantian hampir 20 penduduk setempat yang selama ini berjuang mendapatkan hak mereka setelah impian itu berkali-kali tidak ditunaikan Umno-BN.

Muhammad Razali Abdullah dari Kampung Bendahara, nyata gembira dengan harga premium RM1,000 yang dikenakan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor.

"Alhamdulillah... kami akhirnya dapat hak milik tanah yang selama 20 tahun kami tunggu. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Datuk Menteri Be-

sar (Tan Sri Abdul Khalid)," katanya apabila ditemui.

Bagi Talib Shaari yang juga dari Kampung Bendahara, pelbagai alasan diberikan pentadbiran Umno-BN,



Penduduk gembira, bilamana perjuangan mereka untuk memiliki tanah sendiri akhirnya berjaya

selain diskriminasi politik yang perlu dihadapi ketika memohon hak milik.

"Alasan politik. Dekat pilihan raya janji, tetapi tidak ditunaikan. Tetapi setelah lima tahun Pakatan mentadbir, perkara ini akhirnya berjaya diselesaikan. Terima kasih banyak," katanya dengan nada gembira.

Perasaan gembira turut dizahirkan Satiabama Thangaveloo yang lega akhirnya impian untuk memiliki hak milikan tanah tercapai.

Mereka ditemui selepas majlis Penyerahan Hak Milik Kampung Ben-

dahara dan Penyampaian Notis Borang 5A Kampung Melayu Batu Caves Selatan di sini.

Majlis disempurnakan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Seramai 18 orang menerima dokumen tawaran hak milik tanah atau dikenali sebagai Borang 5A.

Abdul Khalid juga meminta Pegawai Daerah serta ketua kampung turun padang melihat mereka yang belum jelaskan bayaran tersebut.

Turut hadir, Exco Perumahan Selangor, Iskandar Abdul Samad, Ahli Parlimen Gombak, Azmin Ali, Ahli Parlimen Selayang, William Leong dan Adun Batu Caves, Amirudin Shari.



Razali Abdullah



Talib Shaari



▶ **MESRA...**
Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, bertemu orang ramai yang berkunjung di program Nasihat dan Rawatan Kesihatan secara percuma di Blok C, Perumahan Pantai Permai, Lembah Pantai



▶ Sempena Hari Wanita yang lalu, Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali berkunjung ke Pasar Malam Kampung Delek bagi memberikan bunga kepada wanita-wanita yang berkunjung ke pasar malam tersebut



▶ Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud menerima memorandum daripada wakil penduduk berkenaan dengan tanah, sewaktu Program Dialog & Lawatan Tapak di Kampung Sepakat Jaya



▶ Adun Kampung Tunku, Lau Weng San, memberi beras Sekinchan Best kepada mereka yang memerlukan dari Flat Taman Sri Aman, Petaling Jaya



▶ Cabaran futsal anak muda, Piala Adun Bangi 2013, berlangsung di Galaxy Futsal, Seksyen 15, Bandar Baru Bangi. Kelihatan Dr Shafie Abu Bakar, bergambar dengan anak muda yang mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut



▶ Kelihatan Adun Teratai, Jenice Lee, meninjau gelanggang bola keranjang yang telah siap dibina di Taman Lembah Maju



▶ Adun Taman Medan, Haniza Talha memberi bantuan kewangan bagi meringankan beban keluarga ini, yang mana isterinya terpaksa menanggung seorang anak yang menghidap sawan dan suami yang OKU dengan gaji bawah RM700



▶ Golongan warga emas di Kampung Bukit Kapar tidak dipinggirkan, sebaliknya diberi perhatian apabila Adun Meru, Dr Rani Osman, dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN Meru, turun padang ke kawasan tersebut

MENCORAK MASYARAKAT



unisel

UNIVERSITI SELANGOR

Kebolehpasaran graduan dan peluang melanjutkan pengajian adalah yang tertinggi



PROGRAM YANG DITAWARKAN

FAKULTI PERNIAGAAN

- Diploma Pengurusan Perniagaan [KPT/JPS/(KR 5915)/06/15]
- Diploma Perakaunan [KPT/JPS/(KR 5916)/01/15]
- Diploma Pengurusan Pentadbiran [KPT/JPS/(KR 7574)/10/16]
- Diploma Pengurusan Industri Sukan [KPT/JPS/(R/813/4/0010)/05/17]
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri (Kepujian) [KPT/JPS/(KA 7602)/10/16]
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) [KPT/JPS/(KA 5896)/06/14]
- Sarjana Muda Kewangan (Kepujian) [KPT/JPS/(KR 10584)/06/14]
- Sarjana Muda Pemasaran (Kepujian) [KPT/JPS/(KR 10584)/06/14]
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kepujian) [KPT/JPS/(KA 6520)/10/15]
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia (Kepujian) [KPT/JPS/(KA 7911)/10/17]

FAKULTI PENDIDIKAN & SAINS SOSIAL

- Diploma in Teaching English As A Second Language [KPT/JPS/(R/145/4/0021)/02/17]
- Diploma Pendidikan (Pengajian Pra Sekolah) [KPT/JPS/(KA 7042)/07/16]
- Diploma Pendidikan (Pengajian Islam) [KPT/JPS/(R/521/6/0037)/09/17]
- Diploma Sains Perpustakaan [KPT/JPS/(KA 401)/10/16]
- Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) [KPT/JPS/(R/145/6/0013)/08/16]
- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua [KPT/JPS/(R/145/6/0013)/08/16]
- Bachelor of English for Industries (Hons) [KPT/JPS/(KA 8850)/08/13]
- Ijazah Sarjana Muda Psikologi Industri (Kepujian) [KPT/JPS/(R/311/6/0018)/01/18]
- Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) [Pendidikan Awal Kanak-Kanak] [KPT/JPS/(R/143/6/0022)/11/16]
- Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan (Kepujian) [KPT/JPS/(R/322/4/0003)/10/16]

FAKULTI SAINS & BIOTEKNOLOGI

- Diploma Teknologi Industri [KPT/JPS/(KA 8894)/06/13]
- Diploma Industri Bioteknologi [KPT/JPS/(KA 9127)/05/13]
- Diploma Akuakultur [KPT/JPS/(KA 7848)/12/13]
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik Dengan Statistik [KPT/JPS/(KA 7402)/11/16]
- Ijazah Sarjana Muda Industri Bioteknologi (Kepujian) [KPT/JPS/KR 9126/05/13]
- Ijazah Sarjana Muda Sains Persekitaran (Kepujian) (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) [KPT/JPS/(KA 9847)/11/14]
- Ijazah Sarjana Muda Bioinformatik (Kepujian) [KPT/JPS/(KR 10587)/05/14]

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Diploma Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(KA 5917)/06/16]
- Diploma Industri Multimedia [KPT/JPS/(R/213/4/0012)/05/16]
- Diploma Sains Komputer (Pengkompoteran Industri) [KPT/JPS/(R/481/4/0043)/05/16]
- Diploma Teknologi Mudah Alih [KPT/JPS/(KA 6968)/05/16]
- Diploma Aplikasi Komputer dalam Perniagaan [KPT/JPS/(R/482/4/0010)/05/16]
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) [KPT/JPS/(R/482/6/0009)/08/16]
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) (Kepujian) [KPT/JPS/(KA 6521)/10/15]
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) [KPT/JPS/(KA 6522)/12/15]
- Ijazah Sarjana Muda Multimedia Industri (Kepujian) [KPT/JPS/(R/213/6/0063)/05/17]
- Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi Maklumat Dengan Pengurusan Rantai Bekalan (Kepujian) [KPT/JPS/(R/481/6/0188)/05/17]
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Pengurusan Pengetahuan)(Kepujian) [KPT/JPS/(R/482/6/0214)/09/17]

FAKULTI BIOPERUBATAN & SAINS KESIHATAN

- Diploma Pengimejan Perubatan [KPT/JPS/(KA 7158)/07/16]
- Diploma Kesihatan Persekitaran [KPT/JPS/(KA 7157)/07/16]
- Diploma Fisioterapi [KPT/JPS/(KA 7156)/07/16]
- Diploma Teknologi Makmal Perubatan [KPT/JPS/(KA 7154)/07/16]
- Diploma Kejururawatan [KPT/JPS/(KA 7153)/11/15]
- Ijazah Sarjana Muda Sains Makmal Perubatan (Kepujian) [KPT/JPS/(R/725/6/0016)/02/17]

FAKULTI KOMUNIKASI DAN MEDIA

- Diploma Komunikasi dan Media [KPT/JPS/(R/321/4/0030)/12/16]
- Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) (Kewartawanan) [KPT/JPS/(KA 8960)/06/13]
- Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) (Komunikasi Korporat) [KPT/JPS/(KA 8961)/06/13]

FAKULTI KEJURUTERAAN

- Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik [KPT/JPS/(KR 6705)/01/16]
- Diploma Kejuruteraan Mekatronik [KPT/JPS/(KR 6704)/01/16]
- Diploma Kejuruteraan Mekanikal [KPT/JPS/(KR 6703)/01/16]
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektronik [KPT/JPS/(R/523/6/0095)/09/17]
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Awam [KPT/JPS/(R/526/6/0024)/09/17]

Untuk senarai penuh program yang ditawarkan sila layari:

www.unisel.edu.my

Pemohonan melalui talian:
apply.unisel.edu.my

(KPT/JPS/DFT/US/B06) | (KPT/JPS/DFT/US/B18)



Maklumat lanjut, hubungi:

+603-5522 3400/3436/3535/3435

admission@unisel.edu.my

PENGAMBILAN TAHUN ASAS MEI 2013

- Program Asas Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa kedua) [KPT/JPS/(R/144/3/0003)/07/17]
- Program Asas Pengurusan [KPT/JPS/(R/345/3/0172)/02/17]
- Program Asas Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(R/482/3/0008)/08/16]
- Pengajian Tahun Asas (Sains) [KPT/JPS/(R/421/3/0009)/03/17]

*PENDAFTARAN
25 MEI 2013

Borang Permohonan

Nama :

Alamat :

No. K/P : No. Tel : E-mel :

Program dipohon

1
2
3

(Sila sertakan salinan siji akademik yang berkaitan)

Hantarkan ke : Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Universiti Selangor
Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor | FAX : 03-5522 3563/ 5510 9277

Lain-Lain Pengambilan 2013
IJAZAH SARJANA MUDA & DIPLOMA
APRIL/JUN/OGOS/OKTOBER

600 sertai sukan tradisional untuk beliawanis

SHAH ALAM - Kemunculan pelbagai permainan moden tidak menghalang golongan muda meminati sukan tradisional atau sukan rakyat di Selangor.

Buktinya, lebih 600 peserta Beliawanis (wanita) mengambil bahagian dalam Karnival Sukan Beliawanis peringkat negeri Selangor di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Exco Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, karnival sukan ini diadakan atas permintaan golongan terbabit.

"Kita adakan karnival seperti ini setiap tahun, contohnya tahun lalu kita adakan untuk semua belia dan beliawanis, tetapi untuk kali ini, oleh kerana adanya permintaan untuk beliawanis diberikan ruang untuk bersukan secara bebas maka kita adakan," katanya pada Majlis Perasmian Sukan Beliawanis yang dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Katanya, sukan itu mengetengahkan pertandingan tradisional seperti menarik upih, lastik tin, baling getah, batu seremban, galah panjang, dam aji dan permainan catur.

Sementara itu, Abdul Khalid berkata, karnival sukan ini adalah satu usaha merakyatkan beliawanis memandangkan mereka juga memainkan peranan

yang penting bagi memimpin negara pada masa akan datang.

"Apabila ia dilaksanakan, dalam masa yang sama kita akan dapat lihat silaturahim dan kerjasama dalam satu pasukan itu kuat, ia sebagai medium menjana perpaduan bagi membina silaturahim," katanya.

Peserta, Norhaida Hussin, 22, berkata penganjuran karnival itu juga dalam masa yang sama turut dapat mencungkil bakat terpendam di kalangan beliawanis.

"Dengan adanya karnival seperti ini mungkin dapat mencungkil bakat peserta seterusnya boleh memasuki mana-mana pertandingan seperti ini di peringkat negeri lain jika ia dianjurkan pertandingan yang lebih besar," katanya.

Apabila ia dilaksanakan dalam masa yang sama kita akan dapat lihat silaturahim dan kerjasama dalam satu pasukan itu kuat, ia sebagai medium menjana perpaduan bagi membina silaturahim

- ABDUL KHALID
Menteri Besar



Belanja RM80 juta untuk khairat kematian

Oleh HAFIZAN TAIB

BESTARIJAYA - Kerajaan Negeri membelanjakan lebih RM80 juta bagi membantu kira-kira 37,000 bagi program khairat kematian di seluruh Selangor sepanjang pentadbirannya setakat ini.

Kesemua penerima ini ialah mereka yang berdaftar dengan Skim Mesra Usia Emas (SMUE)

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) banyak membawa kebaikan kepada rakyat.

Biarpun pelbagai program kebajikan dijalankan namun masalah kewangan tidak dihadapi, malah simpanan Kerajaan Negeri bertambah empat kali ganda.

"Ini membuktikan bahawa pemberian yang dilakukan dengan tidak menjejaskan kewangan negeri kalau kita menjaga dengan baik.

"Setiap tahun kita peruntukan sebanyak RM26 juta bagi pemberian ini," katanya dalam Majlis Penyampaian Bantuan Khairat Kematian Bagi SMUE di Balai JKKK Bestari Jaya di sini.



Rasli Rusmin



V Parameswar

Bantuan khairat kematian tersebut diperkenalkan Kerajaan Negeri dengan bantuan jumlah RM2,500 kepada pewaris si mati di mana bantuan RM1,000 didahulukan manakala selebihnya disampaikan kemudian.

Dalam majlis itu seramai 22 pewaris menerima sumbangan daripada Menteri Besar.

Seorang penerima, Rasli Rusmin, 52, dari Bukit Badong berkata, pemberian itu adalah bagus dan ia wajar diteruskan Kerajaan Negeri untuk tahun-

tahun akan datang.

"Ia meringankan beban keluarga yang kehilangan ahli keluarga," katanya yang kematian bapa pada akhir tahun lalu.

V Parameswar, 48, dari Kundang yang kehilangan bapa turut menyatakan Kerajaan Negeri membuktikan keprihatinan terhadap masalah rakyat terutama golongan kurang berkemampuan.

"Saya berterima kasih dengan bantuan ini dan ia memang satu tindakan wajar bagi membela nasib rakyat," katanya.

15,000 peluang pekerjaan di Negeri Selangor
DATANGLAH BERAMAI-RAMAI

WALK IN INTERVIEW

JOM KERJA!

30-31 Mac 2013
(Sabtu dan Ahad)
8.45 pagi - 4.00 petang
Dewan Hamzah,
Majlis Perbandaran Klang
Jalan Perbandaran, 41675 Klang, Selangor.

selangorku

Usahawan kecil dibantu tingkat ilmu perniagaan

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

KUALA SELANGOR - Usahawan kecil di negeri Selangor kini diberikan pendedahan mengenai teknik-teknik menguruskan perniagaan dengan lebih baik supaya berjaya dan berkembang kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di masa akan datang.

Exco Pembangunan Usahawan, Dr Yaakob Sapari berkata, Kerajaan Negeri komited dalam membantu meningkatkan hasil usahawan kecil di negeri ini mengembangkan perniagaan mereka.

Menurut Dr Yaakob, melalui Seminar Pemerkasaan Usahawan ini, diharap para usahawan kecil dapat diberikan pendedahan dan ilmu supaya dapat berkembang menjadi usahawan IKS.

“Hari ini kita nak beri pendedahan pada usahawan, saya dapati mereka yang berniaga tak dapat ilmu meniaga dengan betul,” katanya ketika ditemui sewaktu merasmikan seminar tersebut di Dewan Sri Siantan, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).

Dalam pada itu, seminar yang berlangsung selama sehari



Dr Yaakob menjawab pertanyaan peserta seminar

yang dihadiri lebih 300 orang peserta itu dianjurkan Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel) diadakan di setiap daerah di negeri ini.

Skimsel ditubuhkan Kerajaan Negeri pada tahun 2010 dalam usaha Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi memberi bantuan kepada usahawan di negeri ini untuk memulakan perniagaan.

Sepanjang tiga tahun ini, sebanyak RM47 juta diagihkan kepada lebih 7000 usahawan kecil di negeri ini yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan.

Pengurus Kanan Operasi Skimsel, Nurmaiza Yahya, berkata rata-rata peserta yang menyertai Skimsel menunjukkan peningkatan terhadap perniagaan yang dijalankan mereka.

Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi usahawan Skim-



Nurmaiza Yahya

sel dalam usaha mereka untuk meningkat dan menjadi usahawan IKS.

“Kelemahan itu kita boleh nampak dari segi pengurusan pemasaran, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan juga dokumentasi.

“Mereka perlu dokumentasikan ini untuk mengembangkan perniagaan mereka untuk menjadi usahawan IKS pula,” katanya.

Sementara itu, seorang peserta seminar, Mazni Buang, 35, yang mengusahakan perniagaan tempe yang diwarisi daripada neneknya, berazam menggunakan peluang dan bantuan yang diberikan ini untuk mengkomersilkan lagi perniagaannya.

“Bantuan setakat ini dalam bentuk pinjaman, memanglah tak cukup, tapi kena ikut peringkat dan saya akan berusaha sebaik mungkin,” katanya yang tinggal di Kampung Bukit Kuching, Kuala Selangor.



Mazni Buang




Kediaman Yang Prestij dan Penuh Kerian




RESIDENSI
Keluasan Daripada
531 k.p.s. - 1,377 k.p.s.

Harga Daripada
RM441,560*
(Harga Bumiputra)

Lokasi Yang Pesat Membangun di Ara Damansara
Dikelilingi oleh 7 Lebuhraya Utama (NKVE, KESAS, Lebuhraya Persekutuan, LDP, ELITE, SPRINT & LKSA)
Berdekatan dengan lokasi-lokasi berikut :
Subang Jaya / Lapangan Terbang Subang, Bandar Sunway, Shah Alam, One Utama, Kota Damansara, IKEA, The Curve, Bukit Raja, Sg Buloh, Klang dan lain-lain

Untuk Maklumat Lanjut : **603-8023 2767**
603-8023 3122

Setu lagi projek oleh:
Island Circle
Perniagaan: MNH Global Assets Management Sdn Bhd (110001-01)
8, Jalan USJ Sentral 1, USJ Sentral, Persiaran Subang 1, 47600 Subang Jaya, Selangor D.E. Malaysia
Tel: 603 - 8023 2767 Fax: 603 - 8024 5767 Email: property@islandcircle.com.my

Lawatlah Galeri Jualan Kami @ USJ Sentral



* No. Lesen Perniagaan: 11425-1/12-2015/1377 • Tempoh Sah: 02/12/2010 - 01/12/2015 • No. Permit Iklan: 11425-1/418/2014(02) • Tempoh Sah: 19/02/2013 - 18/02/2014 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: MBPJ • No. Kelulusan Pelan: [R]MBPJ/120100/P/10/976/2010 • Jumlah Unit: 972 (Blok A,B,C,D & E), 601 (Blok G,H & J) • Baki Unit: 49 (Blok A,B,C,D & E), 427 (Blok G,H & J) • Penganan Tanah: 99 tahun (Tarikh Luput: 04/09/2097) • Tarikh Dijangka Siap: November 2013 (Blok A,B,C,D & E), November 2015 (Blok G,H & J) • Bebanan Tanah: Digadai kepada Malayan Banking Berhad • Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Jenis Hartanah: Pangsapuri Servis • Harga Min: RM441,560 • Harga Maks: RM1,159,800 • Diskaun 5% untuk Bumiputra (Blok A,B,C,D,E,G,H & J) * tertakluk kepada terma & syarat

Pengurangan cukai taksiran 50 peratus kepada OKU

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengurangkan bayaran cukai taksiran sebanyak 50 peratus kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) yang memiliki rumah di seluruh Selangor dan diskaun ini berkuatkuasa serta merta.

Perkara itu dimaklumkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim selepas memengerusikan Mesyuarat Exco di Bangunan SUK, di sini.

Abdul Khalid memaklumkan pengurangan cukai taksiran itu bertujuan membantu meringankan beban OKU yang perlu berdepan dengan kos sara hidup yang semakin tinggi di Selangor terutamanya di kawasan bandar.

"Ia juga bagi mengiktiraf sumbangan OKU kepada pembangunan ekonomi dan sosial di Negeri Selangor," katanya.

Bagaimanapun, pengurangan itu hanya tertakluk kepada OKU yang mendiami rumah tersebut. Jika rumah itu disewakan kepada pihak lain, mereka tidak layak menikmati pengurangan tersebut.

"Kerajaan Negeri yakin pemberian kedua-dua diskaun ini tidak akan menjejaskan penda-

patan pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana kita telah berjaya menjimatkan lebih RM80 juta sepanjang tahun lalu hasil penamatan perkhidmatan Alam Flora selain amalan tender terbuka dan pelaksanaan meluas konsep 'value for money'.

"Kita juga telah memberikan lebih 10,000 geran tanah kepada rakyat Selangor menerusi Skim Pemilikan Kediaman Persendirian dengan hanya mengenakan premium RM 1,000," katanya.

Beliau menambah pengurangan itu adalah yang kedua diberikan Kerajaan Negeri selepas diskaun cukai pintu 25 peratus kepada pemilik rumah flet kos rendah dengan syarat mereka tinggal di rumah berkenaan.

Ia juga bagi mengiktiraf sumbangan OKU kepada pembangunan ekonomi dan sosial di Negeri Selangor

**- ABDUL KHALID
Menteri Besar**



Kerajaan negeri akan memastikan golongan OKU turut mendapat faedah dari pembangunan ekonomi negeri



Menteri Besar menyerahkan tong sampah sumbangan Worldwide kepada PBT

PBT cemerlang di bawah PR

KUALA SELANGOR - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim melahirkan rasa bangga terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Selangor yang membuktikan kecemerlangan sejak Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih negeri ini.

Abdul Khalid berkata, semua PBT di Selangor berjaya menjalankan tanggungjawab dengan baik dan lebih efisien sepertimana diharapkan.

Menurutnya, langkah tersebut merupakan satu budaya kerja yang mampu membawa perubahan kepada negeri Selangor.

Katanya, bukti yang paling jelas apabila Kerajaan Negeri membuat keputusan mengambil alih pengurusan sampah daripada Alam Flora.

"Walaupun pada awal agak tidak stabil, PBT terima cabaran diberi dan buktikan boleh menjalankan tugas. Malah, cara kita kendalikan pembersihan jauh lebih teliti daripada Alam Flora dan jauh lebih murah.

"Ini menunjukkan bagaimana kita memahami dan tunjukkan PBT sentiasa bertanggungjawab," katanya dalam Majlis Pelancaran program Zon Bersih

2013 Peringkat Negeri Selangor di Bandar Malawati di sini.

Menteri Besar berkata, penglibatan PBT secara langsung mampu melahirkan keadaan jauh lebih baik dalam kehidupan masyarakat.

Katanya, cara tersebut menjadikan Selangor bukan sahaja negeri maju, tetapi mengamalkan kebersihan.

Program Zon Bersih dijalankan sejak 2010 dengan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) terpilih sebagai tuan rumah tahun ini dengan tema 'Kejiranan Hijau'.



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembayaran)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Cadangan Tebatan Banjir di Jalan Sungai Rasah dan Di Jalan Padang Jawa, Daerah Klang. -Menggantikan Jambatan Di Atas Sungai Rasah, di M5.6, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan. No. Tender : JKR/SEL(N) 005(T)/ 2013	T1 <i>Diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)</i>	Bumiputera (PKK)	CIDB Gred : G7 Kategori: CE Pengkhususan: CE01, CE02 & CE21	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor Shah Alam. Pada 26.03.13 (Selasa) hingga 08.04.13 (Isnin)	Lawatan Tapak digalakkan. Sila berhubung Bahagian Jalan 03-55447800	RM725.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor 15.4.2013 (Isnin) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan/Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

***Jenis Pendaftaran**

- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
- A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- T2 - Tidak berkenaan

Wanita lebih terbela di bawah Pakatan

Oleh AFEEQA AFEERA

IJOK - Wanita perlu memperkukuhkan peranan masing-masing bagi memastikan pembangunan sesebuah negeri mahupun negara itu dapat dicapai sepenuhnya, kata isteri Menteri Besar Selangor, Puan Sri Salbiah Tunut.

Justeru, golongan wanita disaran mengambil peluang sedia ada dengan menyertai sebarang aktiviti berbentuk kemasyarakatan yang dianjurkan Kerajaan Negeri.

Katanya, sebagai menghargai usaha wanita, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) menyediakan pelbagai program melalui agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Mengambil contoh program Mikro-kredit Miskin Bandar (Mimbar), katanya seramai 6,586 wanita di negeri ini dibantu untuk memperoleh pendapatan melalui aktiviti keusahawanan (perniagaan).

"Walaupun Selangor terkenal seba-

gai negeri maju, namun kita dapati rakyatnya masih ada yang terencil dan terpinggir terutama di kawasan luar bandar.

"Kita perlu memainkan peranan penting untuk membantu rakyat, supaya mendapat kehidupan yang selesa, iaitu melalui pelbagai program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri," katanya semasa menghadiri Program Sepetang Bersama Abby Abadi di Kampung Baru Cina, baru-baru ini.

Program anjuran Kerajaan Negeri itu memberi peluang kepada penduduk setempat untuk beramah mesra, berbual santai dan bertukar pandangan bersama Salbiah dan Abby Abadi.

Lebih 200 penduduk hadir memeriahkan program tersebut.

Selain bual bicara santai, penduduk turut diberi demonstrasi masakan bersama chef jemputan, Chef Zulkifli dan Chef Jamili yang didatangkan khas dari Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).

Hadir sama, Presiden PKR, Datuk Seri



Wan Azizah turut hadir sebagai tetamu jemputan dalam program Sepetang Bersama Abby Abadi

Dr Wan Azizah Ismail.

Sementara itu, Abby turut berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapinya dalam melalui proses penghijrahan dari dunia nyanyian dan lakonan kepada perjuangan dakwah.

"Saya hadir sebagai sahabat seagama

untuk berkongsi pengalaman dan mengajak anda semua untuk kembali kepada Islam yang sebenar.

"Ada yang buat cerita saya berhijrah kerana PAS, sedangkan penghijrahan saya adalah semata-mata kerana Allah," tegasnya.

MEMBINA KOMUNITI, MENCIPTA GAYA KEHIDUPAN.

LOKASI STRATEGIK DAN PREMIUM
POTENSI PELABURAN UNGGUL
KELENGKAPAN BERKUALITI*

PAKEJ REBET ISTIMEWA
BUMIPUTRA DISKAUN: 7%

Kunjungi Galeri Jualan Kami

Koordinat GPS :
3°4'12" N, 101°36'15" E
(Bersebelahan Kampus Sunway University)

*Semua unit adalah separa lengkap (*semi-furnished*).

GAYA HIDUP MODEN PENUH KESELESAAN DAN KEMEWAHAN

Unit Contoh

Unit contoh sedia ada

Kelengkapan berkualiti dengan peralatan elektrik berjenama*

Fasiliti eksklusif 60,000 kaki persegi

Konsep hijau ikonik

Satu Projek Berprestij Oleh: **NADAYU PROPERTIES BERHAD** (Formerly known as Mutiara Goodyear Development Berhad)(40282-V)

Hotline Jualan: **1300-80-8828**
www.nadayu28.com

Jenis Pembangunan: Kondominium • No. Lesen Pemaju: 10112-2/11-2014/1364 • Tempoh Sah: 15.11.2011 - 14.11.2014 • No. Permit Iklan & Jualan: 10112-2/2793/2013(1) • Tempoh Sah: 22.11.2012 - 21.11.2013 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Subang Jaya • No. Rujukan Pelesenan: MPSL/BGN/KWA-9/34037 • Bebanan Tanah: UOB (Malaysia) Berhad • Pegangan Tanah: Pajakan 99 tahun (15.01.2111) • Jumlah Unit: 206 • Tarikh Dijangka Siap: Mac 2015 • Harga Jualan: RM875,840(min) - RM3,540,000(max) • Bumiputera Diskaun: 7% • Sekatan Penting: Tanah ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau dicagar tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Rujukan Persekitaran: 18.03.2013

Semua lukisan dan ilustrasi yang terdapat di sini adalah gambaran artis semata-mata. Semua pelan dan spesifikasi adalah tertakluk kepada pindaan pihak berkuasa yang berkenaan dan arkitek pemaju.

Tanah Datum Jelatek milik Kerajaan Negeri

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menegaskan, tanah bagi projek Datum Jelatek bukan tanah rizab Melayu, sebaliknya milik Kerajaan Negeri.

Katanya, 70 peratus rumah di dalam projek tersebut akan dijual kepada masyarakat Melayu dan 30 peratus kepada bukan Melayu.

"Ini bukan kawasan rizab Melayu, kita sudah diberitahu oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

"Ia milik Kerajaan Negeri dan kita juga meminta PKNS supaya membina rumah-rumah itu dan 70 peratus akan dijual kepada masyarakat Melayu," katanya.

"Kita juga akan meneruskan projek tersebut, di samping mengambil kira permintaan dan beberapa faktor kemiskinan masyarakat setempat," katanya da-

lam sidang media di Bangunan SUK, di sini.

Abdul Khalid berkata demikian sebagai jawapan kepada memorandum bantahan terhadap projek itu yang diserahkan Pengerusi Badan Bertindak Datum Jelatek, Salleh Samad.

Sebelum ini, Abdul Khalid menyangkal dakwaan bahawa komuniti Melayu di kawasan Jelatek, Kuala Lumpur terpinggir akibat projek pembangunan bercampur itu.

Sebaliknya penduduk Melayu yang menjual unit pangsapuri mereka kepada PKNS untuk projek itu menerima keuntungan berlipat kali ganda apabila dibayar RM300,000. Sebaliknya harga asal pangsapuri kos rendah mereka hanya sekitar RM20,000.



Tapak Datum Jelatek yang menjadi pertikaian orang luar

RM290,00 naik taraf perpustakaan Rawang

Oleh HAFIZAN TAIB

RAWANG - Perpustakaan awam Rawang dinaik taraf dengan peruntukan RM290,000 yang disumbangkan Kerajaan Negeri dan Kumpulan Perangsang Selangor(KPS).

Secara total KPS menyumbangkan RM1.3 juta untuk keseluruhan pembangunan perpustakaan di Selangor yang dikelola Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal insan, Dr Halimah Ali berkata, proses naik taraf ini bertujuan memperkenalkan identiti dan konsep baru kepada rakyat terhadap perpustakaan.

"Penjenamaan semula perpustakaan dijalankan oleh PPAS adalah satu anjakan paradigma untuk memberi nafas baru supaya perpustakaan tidak lagi dilihat sebagai sebuah tempat yang suram, membosankan dan khusus untuk golongan minoriti pencinta buku semata-mata.

"Keperluan melaksanakan penjenamaan semula ini kebetulan memang tepat pada masanya kerana suasana pembudayaan ilmu sedang semakin rancak bergema di sana-



Gan Pei Nei, teruja melihat kanak-kanak ini membuat persembahan

sini di seluruh negara, terutama di Selangor," katanya dalam Majlis Perasmian Perpustakaan Awam Selangor cawangan Rawang di sini.

Turut hadir, Pengarah PPAS, Mastura Mohamad, Adun Rawang, Gan Pei Nei dan Ahli Parlimen Selangor, William Leong.

Dr Halimah berkata, Selangor sebagai negeri maju memerlukan rakyat yang maju, bukan setakat dari segi pembangunan fizikal tetapi juga dari segi modal insan.

"Selangor tidak mempunyai

sumber kekayaan seperti minyak, emas dan sebagainya yang dimiliki negeri lain. Yang kita ada ialah rakyat sebagai sumber, maka kita berusaha menyuburkan budaya ilmu di kalangan masyarakat supaya lahir masyarakat berilmu dan berakhlak," katanya.

PPAS cawangan Rawang adalah perpustakaan ke lapan diwujudkan di Selangor, di mana perancangan seterusnya adalah di Lembah Jaya, Sungai Udang, Sungai Pelek, Gombak dan Klang.

Insentif kepada atlet lumba basikal remaja

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor akan memberi insentif berjumlah RM15,000 kepada pemenang pingat emas, RM10,000 kepada pemenang pingat perak dan RM5,000 kepada pemenang pingat gangsa.



Majlis pemberian insentif itu akan diberikan dalam satu majlis rasmi Mei depan dan akan dihadiri DYMM Sultan Selangor," katanya.

Perkara itu diumumkan Exco Adat Melayu, Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi (*gambar*) dalam sidang media selepas mesyuarat Exco di Bangunan SUK.

Menurut Dr Ahmad Yunus, insentif itu adalah bersesuaian dengan pencapaian cemerlang Muhammad Firdaus menerusi acara 200 meter pecut individu.

"Kita akan memberi insentif

sejumlah RM15,000 kepada pemenang pingat emas, RM10,000 kepada pemenang pingat perak dan RM5,000 kepada pemenang pingat gangsa.

Muhammad Firdaus, 17, menewaskan pelumba Korea Selatan, Jung Jea-Hee dalam acara 200m pecut individu remaja lelaki di velodrom Kompleks Sukan India Ghandi.

Kemenangan itu sekaligus menambah koleksi pingat emasnya yang diperoleh dalam acara 1 kilometer ujian masa individu.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
29 MAC - 5 APRIL 2013							
17 - 24 JAMADILAWAL 1434H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Jumaat	05:49	05:59	07:15	01:21	04:21	07:24	08:33
30 Sabtu	05:48	05:58	07:14	01:21	04:20	07:24	08:33
31 Ahad	05:48	05:58	07:14	01:20	04:21	07:24	08:33
01 Isnin	05:47	05:57	07:13	01:20	04:21	07:23	08:33
02 Selasa	05:47	05:57	07:13	01:20	04:22	07:23	08:32
03 Rabu	05:46	05:56	07:13	01:19	04:22	07:23	08:32
04 Khamis	05:46	05:56	07:12	01:19	04:23	07:23	08:32
05 Jumaat	05:45	05:55	07:12	01:19	04:23	07:23	08:32
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Jumaat	05:50	06:00	07:17	01:23	04:23	07:26	08:35
30 Sabtu	05:50	06:00	07:16	01:23	04:22	07:26	08:35
31 Ahad	05:50	06:00	07:16	01:22	04:23	07:26	08:35
01 Isnin	05:49	05:59	07:15	01:22	04:23	07:25	08:35
02 Selasa	05:49	05:59	07:15	01:22	04:24	07:25	08:34
03 Rabu	05:48	05:58	07:15	01:21	04:24	07:25	08:34
04 Khamis	05:48	05:58	07:14	01:21	04:24	07:25	08:34
05 Jumaat	05:47	05:57	07:14	01:21	04:25	07:25	08:34



TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rangkaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
emel: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.S, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau 03-55110659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
Laman Web : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618.
Faks : 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC) Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622.
Faks : 5519 3304

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977
Emel: communications@kdeb.com

SKIM KESIHATAN WANITA Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR) Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

SKIM MIKROKREDIT SELANGOR Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312
Fax : 03-551055829 Laman Web http://www.skimsel.com

PUSAT DIALISIS RAKYAT Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PUSAT TUISYEN RAKYAT Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543
Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com

Awas borang tuntutan elaun palsu

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menasihatkan penduduk Selangor supaya berwaspada dengan pengedaran borang tuntutan elaun warga emas yang mula diedarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong, mendakwa perkara itu mula dikenal pasti diedarkan dari rumah ke rumah baru-baru ini kepada 100 penduduk di Sungai Chua, Kajang.

Katanya, melalui borang itu, warga emas akan diminta untuk memberikan nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat dan tandatangan.

Beliau berkata, warga emas yang menandatangani borang itu kononnya akan dijanjikan elaun khas berjumlah RM1,000 oleh Kerajaan Negeri.

"Borang ini kemudiannya akan digunakan (oleh sebuah syarikat guaman) untuk kegunaan kes mahkamah bagi menyaman Kerajaan Negeri atas kegagalan menunaikan janji yang terkandung dalam manifesto Pakatan Rakyat (PR).

"Kerajaan Negeri tidak pernah mengeluarkan borang seperti ini bagi memberikan sebarang elaun kepada mana-mana pihak.

"Jadi, mana-mana pihak yang kurang jelas berhubung sebarang bantuan daripada Kerajaan Negeri, mereka boleh mendapatkan maklumat melalui Pusat Khidmat DUN," katanya dalam



Kerajaan Negeri tidak pernah mengeluarkan borang seperti ini bagi memberikan sebarang elaun kepada mana-mana pihak

ELIZABETH WONG
Exco Selangor

sidang media selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, di SUK, di sini.


Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan memfailkan aduan terbabit kepada Jawatankuasa Disiplin Majlis Peguam Negara.

Sebelum ini sekumpulan warga emas memfailkan saman terhadap Kerajaan PR Selangor kerana mendakwa pentadbiran negeri tidak menunaikan janji

semasa PRU-12 lalu untuk memberi caruman Takaful kepada warga emas.

Bagaimanapun Kerajaan Selangor menyangkal dakwaan tersebut dengan berkata, ia telah memperkenalkan skim khairat kematian RM2,500 kepada waris warga emas sejak 2008.

Sebanyak RM 80 juta dibelanjakan untuk skim tersebut yang telah memberi manfaat kepada kira-kira 37,000 penerima.



WASPADA...

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong mengingatkan rakyat Selangor agar berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan pengedaran borang tuntutan elaun warga emas

daripada pihak tidak bertanggungjawab, yang kononnya dijanjikan untuk diberi elaun khas berjumlah RM1,000

Untuk
informasi &
Berita terkini
Layari

www.selangorku.com
mediaselangorku

